

1100033038

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 54 FPE 1 2002



1100033038

Laporan akhir latihan industri di Unit Sukan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan / Zakiyah Abdul Kadir.



**PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI UNIT SUKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN**

Oleh
ZAKIYAH BINTI ABDUL KADIR
Sarjana Muda Sains
(Polisi Awam Dan Sekitaran)

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAKIYAH

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
Jabatan Pengajian Am
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2002

1100033038

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur ke Hadrat llahi, Tuhan sekelian alam. selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhamad s. a. w. , ahli keluarga dan para sahabat. Al – Hamdulillah di atas inayah, limpah kurnia dan rahmatNya penulis dapat menyiapkan laporan akhir latihan industri ini sekadar kemampuan.

Sekalung penghargaan kepada pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang turut terlibat dalam mengelola penulis dalam proses menjalankan latihan industri. Terima kasih juga kepada Pengerusi Latihan Industri, Dr. Shaharudin Bin Dato' Abdul Hamid yang memberi dorongan serta galakan dan memberi pelbagai panduan dalam menjalankan sesi latihan industri.

Jutaan terima kasih juga kepada pihak Unit Sukan, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan kerana kesudian dan penerimaannya kepada penulis menjalankan latihan industri di organisasi ini.

Penghargaan ini khusus buat penyelia latihan industri Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Puan Che Hasniza Bt Che Nuh. Terima kasih tidak terhingga di atas bimbingan, teguran dan ilmu yang

dicurahkan kepada penulis sepanjang menjalankan latihan industri dan proses menyiapkan laporan akhir latihan industri ini. Segala bimbingan dan tunjuk ajar akan dijadikan petunjuk dan penyuluhan di hari mendatang.

Penghargaan ini juga khusus buat Encik Razuki Bin A. Rahim selaku penyelia latihan industri. Segala bimbingan dan tunjuk ajar semasa membuat latihan industri akan dijadikan sebagai panduan dan pengalaman yang amat bermakna kepada penulis. Semoga segala tunjuk ajar yang disumbangkan itu mendapat ganjaran yang sewajarnya. Tidak lupa juga buat pegawai – pegawai dan semua kakitangan Unit Sukan kerana penerimaan penulis sebagai ahli mereka dan memberi segala panduan sepanjang menjalankan latihan industri.

Di kesempatan ini juga, penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga buat bapa, ma serta seisi keluarga yang sentiasa mendoakan dan memberikan harapan serta dorongan yang tidak terhingga sepanjang penulis berada dalam dakapan ilmu.

Terima kasih juga penulis lontarkan buat teman – teman seperjuangan dan semua yang terlibat dalam memberi dorongan dan sokongan kepada penulis. Semoga kejayaan menjadi milik kita semua. Insya Allah.

SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI SINGKATAN	v
RINGKASAN EKSEKUTIF	iv
BAB1 : LATAR BELAKANG ORGANISASI	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Carta Organisasi	33
1.4 Aktiviti Organisasi	34
1.5 Kemahiran Yang Dipelajari Dalam Latihan Industri	39
BAB 2 : PENGENALPASTIAN MASALAH	
CADANGAN PENYELESAIAN	
2.1 Penemuan Masalah	
2.1.1 Mengesan Sistem Yang Sedia Ada	42
2.1.2 Mengenalpasti Masalah	45

2.2 ANALISIS MASALAH DAN PERBINCANGAN	
KESELURUHAN PENEMUAN	
2.2.1.Rumusan Analisis dan Perbincangan	47
2.2.2. Cadangan Penyelesaian	49
2.2.3.Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	51
PENUTUP	52
RUJUKAN	55

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

SENARAI SINGKATAN

JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
MSSK	Majlis Sukan Sekolah – Sekolah Kelantan
MSNK	Majlis Sukan Negeri Kelantan
MSSM	Majlis Sukan Sekolah – Sekolah Malaysia
MSSD	Majlis Sukan Sekolah Daerah
MSNM	Majlis Sukan Negara Malaysia
PAR	Pembantu Am Rendah
AJK	Ahli Jawatankuasa
OJ	Osman Jaafar
SK	Sekolah Rendah
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan

RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam melahirkan pembangunan sukan yang cemerlang, Unit Sukan telah ditubuhkan di bawah Jabatan Pendidikan Kelantan. Unit ini berperanan untuk menyelenggarakan dan melaksanakan aktiviti pembangunan sukan bagi menyediakan pelajar yang cergas, dan sihat samada fizikal, mental dan rohani.

Pada masa sekarang, pejabat pentadbiran unit ini terletak di Kompleks Sekolah – Sekolah, Jalan Wakaf Mek Zainab, Kota Bharu Kelantan dan terletak kira – kira 2 kilometer dari bandar Kota Bharu. Kedudukan pejabat ini adalah di tempat strategik memandangkan terletak di kompleks sekolah – sekolah serta berhampiran dengan Pusat Sukan miliknya.

Unit Sukan dipanggil juga Majlis Sukan Sekolah – Sekolah Kelantan dan merupakan sebuah unit yang menguruskan bahagian sukan samada sekolah, daerah dan negeri. Unit Sukan merupakan unit di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan unit ini menyelia program atau aktiviti sukan yang dikendalikan oleh Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selain itu, unit ini bertanggungjawab dalam menguruskan pentadbiran sukan di bahagian sekolah untuk melahirkan dan memperkembangkan bidang sukan di kalangan pelajar sekolah sejajar dengan saranan kerajaan dalam melahirkan pelajar yang cergas di samping meningkatkan kecemerlangan akademik.

Di samping itu juga, unit ini menguruskan penglibatan pelajar di dalam bidang sukan dan meningkatkan pencapaian serta kecemerlangan sukan untuk melahirkan atlit untuk bertanding di peringkat sekolah, negeri, dan khususnya dapat melahirkan atlit untuk mewakili Malaysia ke arena antarabangsa.

Pelbagai perancangan telah diatur oleh Majlis Sukan Sekolah – Sekolah Kelantan untuk memberi peluang yang seluas – luasnya kepada pelajar untuk menyertai bidang sukan. Satu Program Khas Olahraga telah ditubuhkan pada tahun 1994 yang mana dahulunya dikenali sebagai Rancangan Pemusatan Pelajar. Program ini dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN) . Pelajar di bawah program ini adalah diambil hasil daripada pihak Majlis Sukan Sekolah – Sekolah Kelantan yang mencari dan mengawasi pelajar yang berpotensi dalam bidang sukan.

Dalam pengurusan di Unit Sukan, sistem kerja yang dilakukan adalah terancang dan berjalan dengan baik. Namun, terdapat masalah-masalah yang timbul dari segi pentadbiran. Pertamanya dapat dilihat dari segi sistem kerja yang berterusan yang mana pekerja di sini bekerja lebih masa apabila sesuatu kejohanan atau program yang berkaitan dengan sukan yang akan dilangsungkan.

Selain itu, pihak Unit Sukan mengalami masalah pembayaran yuran sukan yang lewat oleh pihak sekolah dan ini mendatangkan masalah dari segi kewangan di mana tidak terdapat penyelarasan yang menyeluruh dalam membuat pembayaran yuran. Antara masalah lain yang timbul ialah berkaitan dengan ketidakcukupan tempat penginapan asrama. Asrama yang disediakan oleh pengurusan Unit Sukan tidak dapat menampung jumlah pelajar yang menyertai kem pembangunan sukan, seminar sukan dan sebagainya.

Oleh itu, penyelesaian perlu dalam meningkatkan pengurusan dan pentadbiran yang lebih cekap, iaitu dengan membuat sesuatu perancangan yang teliti dan melaksanakan kerja yang lebih awal apabila menganjurkan sesuatu kejohanan. Masalah pembayaran yuran lewat dari pihak sekolah dapat diatasi seperti mengenakan denda atau menyekat dari kemasukan dalam aktiviti sukan.

Berkaitan dengan asrama pula, Unit Sukan mestilah menyediakan kemudahan asrama yang mencukupi dengan membina asrama yang lebih besar yang seterusnya memberi keselesaan kepada para pelajar dalam mengikuti sesuatu program yang dianjurkan.

Sesungguhnya, industri sukan amat penting kepada sesebuah negara. Oleh itu, bertepatanlah dengan tujuan Unit Sukan diadakan untuk menggerakkan jentera – jentera yang perlu bagi mencapai perkembangan sukan yang cemerlang untuk negara, bersesuaianlah dengan motto Unit Sukan "Merealisasikan Kecemerlangan Sukan".